

# Guna 5 prinsip Rukun Negara laksana dasar negara

Dalam beberapa hari, kita akan menyambut dan meraikan 'Hari Merdeka' demi mengingati Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957 dengan damai, solidariti dan perpaduan.

Ini peristiwa bersejarah yang memberi harapan untuk kesejahteraan lebih besar pada tahun akan datang serta dorongan kepada rakyat untuk maju sebagai satu bangsa dan satu negara.

Mereka yang berada di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957 pasti dapat mengingati kebanggaan kita ketika Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman bersorak bersama orang ramai dengan tujuh teriakan 'merdeka.'

Bagaimanapun, tidak seperti tahun sebelumnya, sambutan tahun ini tiada lagi perarakian, perhimpunan besar-besaran di Dataran Merdeka dan sambutan tambahan.

Tahun ini akan menyaksikan sambutan tenang dan mengikuti norma baharu diperlukan bagi menghadapi COVID-19.

Namun, ia tidak boleh melunturkan semangat Merdeka yang hidup di hati dan fikiran setiap rakyat di mana sahaja mereka berada.

Kita harus terus memupuk dan memperkuat semangat dalam apa yang kita lakukan serta bagaimana kita berfikir dan bersikap, sehingga kita menanamkan semangat dan memenuhi harapan neneh moyang. Pengorbanan generasi tua untuk memajukan Malaysia seperti sekarang tidak boleh dilupakan.

Dianggarkan hampir 90 peratus penduduk Malaysia dilahirkan selepas Merdeka dan tidak memiliki pengeta-

han terhadap cabaran dihadapi ibu bapa dan nenek moyang mereka.

Selain ancaman ditimbulkan pengganas komunis, masih terdapat konfrontasi perlu ditentang dan masalah ekonomi dan sosial lain yang mengancam akan menghancurkan struktur masyarakat.

Walaupun anak muda Malaysia dapat mengetahui perjuangan ini daripada buku teks, diharapkan mereka juga akan mendapat maklumat daripada ibu bapa dan datuk nenek mereka, yang hanya terdiri daripada lima peratus penduduk dengan mendengar pengalaman pertama. Kemudian, tuliskan peristiwa itu untuk generasi akan datang.

Membaca dua penerbitan yang sangat baik, iaitu *Chronicle of Malaysia 1957-2007* dan *Chronicle of Malaysia 1963-2013* - juga akan memberi pandangan segar kepada berita yang menjadi

tajuk utama dalam tempoh berkenaan.

Penerbitan ini dapat memberi



gambaran terhadap kehidupan ketika itu dan membandingkannya dengan sekarang ketika kehidupan jauh lebih aman dan kaya dengan peningkatan ekonomi serta kesihatan. Bersyukurlah semasa kita melihat ke belakang.

Ketika menyambut Hari Kebangsaan, marilah kita juga menghidupkan kembali semangat Rukun Negara dan memastikan peranannya yang sah dalam membina negara yang bersatu.

Tahun ini menandakan ulang tahun ke-50 Rukun Negara kita yang wujud setelah berlaku tragedi 13 Mei 1969.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini menyatakan kerajaan memutuskan untuk menjadikan Rukun Negara sebagai agenda utama kerajaan. Ini berita dialu-alukan.

Kita berharap ini dapat mendorong kerajaan untuk menggunakan lima prinsip Rukun Negara sebagai asas untuk merumuskan dasar dan melaksanakan tindakan dan programnya, demi ke-

majuan negara dan rakyatnya.

Pada tahun akan datang, kerajaan dan rakyat harus menjalankan peranan masing-masing untuk memupuk perpaduan nasional, terutama melalui langkah berikut:

- Mendukung Perlembagaan Persekutuan dan mempertahankan kerana ia merangkumi kontrak sosial yang negara ini didirikan dan memberikan perlindungan untuk hak semua rakyat.

- Menerima, menghormati dan mengenali kepekaan antara satu sama lain serta sensitiviti semua kaum dan agama di negara kita berbilang kaum.

- Menguatkan semangat kesederhanaan dan menolak segala bentuk eksREMISME.

- Membina perpaduan dalam kepelbagaian untuk mencerminkan realiti Malaysia berbilang kaum, pelbagai agama dan budaya.

Pada saat orang ramai masih terpengaruh dengan kesan COVID-19, juga diharapkan kerajaan akan menjaringkan usaha lebih luas dan jauh untuk mencari dan menolong - dari segi kewangan dan sebaliknya - orang yang sangat terkesan.

Rakyat Malaysia, ingatlah untuk mengibarkan Jalur Gemilang sebagai simbol cinta kita kepada negara. Jangan sekali mengibar secara tidak sengaja terbalik atau memaparkan bendera yang pudar atau lusuh. Merdeka!

**Tan Sri Lee Lam Thye,  
Ahli Pemegang Amanah,  
Yayasan Perpaduan Malaysia**

Berita Harian, M/S 13, 26 Ogos 2020